



## UCAPAN

**YB DATUK ROSNAH BT HJ ABDUL RASHID SHIRLIN,  
TIMBALAN MENTERI KERJA RAYA MALAYSIA  
SEMPENA MAJLIS  
PERASMIAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN  
PERSATUAN KONTRAKTOR MELAYU MALAYSIA WP KALI KE  
31 BERTEMPAT DI HOTEL DYNASTY, KUALA LUMPUR  
PADA 18 JUN 2013**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum WBT,Salam Sejahtera dan Salam

1Malaysia

(salutasi)

Alhamdulilah, merafak syukur ke hadrat Ilahi dengan limpah kurnia dan izinNya dapatlah kita semua berkumpul pada hari sempena Mesyuarat Agung

Tahunan Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia  
Wilayah Persekutuan kali ke 31.

Pertamanya, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada YBhg Dato' Haji Mokhtar dan seluruh warga kontraktor Melayu Wilayah Persekutuan kerana menjemput saya pada hari ini. Sesungguhnya jemputan ini sungguh bermakna buat saya.

Majlis ini memberi peluang kepada saya untuk bersua muka dengan ahli-ahli Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia (PKMM) dari Wilayah Persekutuan di samping merapatkan lagi hubungan silahturrahim antara ahli-ahli di mana ia juga dapat membantu mengukuh dan memantapkan lagi PKMM sebagai

sebuah badan yang mewakili ahli-ahli kontraktor Melayu. Saya gembira bahawa hubungan di antara PKMM dan Kerajaan selama ini adalah amat erat dan sentiasa bekerjasama rapat di antara satu sama lain. Di samping itu, wujud hubungan dan persefahaman yang baik di antara pucuk pimpinan Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia (PKMM) dan Kerajaan.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,  
Industri pembinaan Negara kini berada di tahap yang begitu kompetitif dimana kebanyakan infrastruktur yang asas di Negara kita telah pun siap di bina. Antaranya, jalan-jalan kampung luar bandar, pembinaan sekolah-sekolah dan IPTA serta pelbagai

lagi projek pembangunan telah pun siap dan sedang dibina bagi mencapai Negara maju 2020, industri pembinaan Negara juga maju dan berada di landasan yang tepat. Ini akan diterjemahkan dengan adanya Construction Industry Master Plan (CIMP) menjelang 2015 iaitu 2 tahun sahaja lagi.

Walau bagaimanapun kontraktor Melayu yang ada haruslah mempunyai inisiatif untuk bersama-sama memajukan industri pembinaan negara. Didalam keadaan ekonomi negara yang stabil dan kian meningkat industri pembinaan sentiasa akan menjadi industri yang begitu penting. Pertumbuhan industri ini sudah tentu akan sentiasa diberikan perhatian yang sewajarnya oleh pihak kerajaan khususnya Kementerian Kerja Raya. Ini dapat diterjemahkan

dengan adanya projek-projek berimpak tinggi seperti projek MRT, dan beberapa lagi projek-projek yang sedang rancak dilaksanakan pada masa ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Untuk makluman semua Kementerian Kerja Raya akan menubuhkan satu pasukan pakar khusus untuk memastikan kualiti pembinaan yang dijalankan oleh para kontraktor bagi mengekang kejadian kegagalan pembinaan yang semakin meningkat sejak akhir-akhir ini. Pasukan ini akan menyelidik industri pembinaan Malaysia secara keseluruhannya dengan harapan menggalakkan AMALAN PEMBINAAN BAIK kepada pemaju dan orang awam. Amalan pembinaan baik ini merujuk kepada garis panduan, piawaian dan juga peraturan yang lebih

baik di kawal oleh kerajaan. Langkah ini adalah untuk membawa kesedaran kepada kontraktor dan pekerja tentang kepentingan kesihatan dan keselamatan.

Tindakan kerajaan menubuhkan pasukan ini bukanlah mahu mencari salah para kontraktor atau sengaja mahu mencari kekurangan para kontraktor, malah pihak Kementerian Kerja Raya sentiasa mencari jalan bagaimana menambahbaik industri pembinaan Negara dan apa sahaja program atau langkah yang dapat menyokong nilai tambah kepada para kontraktor pasti akan dilaksanakan.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,  
Kestabilan politik dan persekitaran yang begitu kondusif di dalam scenario globalisasi seharusnya menjadikan kontraktor bumiputera lebih kompetitif

dan harus sentiasa berada didalam keadaan yang bersiap sedia untuk belajar dari pengalaman yang sedia ada bagi menjadikan mereka lebih cekal.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Sekarang memang terdapat usahawan bumiputera serta syarikat atau firma bumiputera yang boleh menjadi kebanggaan kepada kita. Hakikatnya kita mempunyai barisan usahawan dan syarikat bumiputera yang boleh bersaing dengan usahawan dan syarikat bukan bumiputera. Terdapat juga usahawan bumiputera yang bersaing hebat dengan syarikat antarabangsa. Bagaimanapun, kita harus sedar bahawa prestasi usahawan bumiputera secara keseluruhannya masih belum mencapai tahap yang memuaskan. Walaubagaimanapun kerajaan

berusaha untuk meningkatkan prestasi kontraktor dan usahawan bumiputera supaya dapat berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan kontraktor dan usahawan lain.

Tuan tuan yang saya hormati,

Sering kali kita hanya menyalahkan pihak-pihak berwajib jika berlaku sesuatu perkara yang tidak diingini tanpa memberikan peluang dan ruang menerangkan situasi yang sebenar. Ini saya akui apabila banyak projek yang telah diberikan gagal dilaksanakan dan amat sedih apabila kontraktor bumiputera sering dipersalahkan. Sebagai sebuah pertubuhan NGO yang begitu khusus untuk memperjuangkan nasib kontraktor melayu saya akan memberikan sokongan,dorongan dan mencari

inisiatif memajukan kontraktor melayu yang sedia ada.

Saya juga ingin berpesan, di samping menguruskan perniagaan masing-masing, tuan-tuan haruslah sedar tentang betapa pentingnya ditingkatkan usaha untuk membantu rakan-rakan yang lain dalam perusahaan pembinaan. Jikalau kita hanya mementingkan diri sendiri dan tidak sedia berkongsi, memang benar kita masih lagi mendapat keuntungan. Tetapi cara sedemikian merupakan keuntungan dari segi jangka pendek sahaja. Sekiranya ia terus dilakukan, maka akibatnya ialah kerugian kepada semua pihak dalam jangka panjang. Sebaliknya pula kontraktor-kontraktor bumiputera yang mengadakan usahasama hendaklah

memainkan peranan yang bermakna dan tidak terhad kepada menjadi 'contact man' sahaja. Begitu juga dengan yang menjalankan usaha sendiri. Janganlah serah semuanya kepada 'sub-kontraktor' sehingga tidak langsung dilihat di 'worksite'. Janganlah menjadi kontraktor yang tidak mempunyai pegawai, jurutera dan kakitangan yang digajikan sendiri.

Amalan-amalan seperti ini tidak akan meningkatkan kecekapan, kerana kontraktor binaan mesti menghadapi seribu satu masalah pengurusan yang memerlukan penyelesaian setiap hari. Cuma dengan melibatkan diri secara langsung dengan urusan harian barulah kecekapan dan kepintaran dapat

diperolehi. Mereka yang mencari jalan senang dengan cuma mendapat seberapa banyak kontrak yang boleh untuk diurus oleh orang lain, akan kekal sebagai pengurus yang tidak berupaya. Kaum bumiputera tidak dapat berbangga walaupun mereka ini menjadi jutawan sepuluh kali ganda

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,  
Kejayaan ekonomi dan kemakmuran negara yang sedang kita kecapi sekarang adalah hasil gabungan usaha gigih Kerajaan, sektor swasta dan juga kontraktor kontraktor. Kunci kepada kejayaan ini juga adalah hasil kerjasama yang padu daripada semua pihak. Persefahaman dan kefahaman tentang matlamat yang hendak dituju dan peranan yang perlu

dimainkan oleh setiap pihak amat penting di dalam menjayakan inspirasi Kerajaan.

Saya akan sentiasa mendoakan kejayaan Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia Wilayah Persekutuan dan mengucapkan selamat bersidang.

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim saya dengan ini merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Kontraktor Melayu Malaysia Wilayah Persekutuan Kali ke 31.

Sekian, terimakasih.Wabilahitaufik walhidayah  
wasalammualaikum warahmatullah hiwabarakatuh.

